



**KENYATAAN MEDIA**  
**Siaran Segera**

**MAKLUMAT SEMASA INSIDEN HENTI TUGAS OPERASI**  
**LOJI RAWATAN AIR SUNGAI KERATONG, DAERAH ROMPIN**

---

Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dengan penuh rasa berat hati ingin memaklumkan Loji Rawatan Air Sungai Keratong (LRASK) **terpaksa dihenti tugas semula pada jam 2.30 petang 2 September 2023**. Hal ini berpunca daripada sumber air mentah Sungai Keratong yang masih tercemar gagal dirawat dan pengeluaran air LRASK tidak melepasi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

PAIP sentiasa memantau kualiti air terawat yang diproses di LRA setiap jam bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pengguna.

Bekalan alternatif seperti lori tangki dan tangki statik akan diteruskan di kawasan-kawasan yang masih terjejas sehingga keadaan kembali terkawal dan kawasan terjejas kembali pulih bekalan air sepenuhnya.

Saya berharap semua warga kerja PAIP, operator-operator air negeri lain dan agensi berkaitan yang terlibat dengan operasi Emergency Plan (ERP) dapat terus fokus, sabar dan bertungkus-lumus dalam memberi bekalan air alternatif agar dapat minimakan kesulitan yang dihadapi para pengguna yang terjejas.

PAIP juga dengan rendah diri dan berbesar hati ingin memohon para pengguna untuk terus bersabar dan memahami kesulitan yang dihadapi. LRASK akan kembali operasi sekiranya keadaan air mentah dan proses air terawat adalah selamat untuk digunakan.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan perkhidmatan air boleh menghubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan (PULAPEL) di talian 09-573 9999.#

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Dato' Saiful Zaini Bin Mohd Bokhari**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

**Kenyataan Media PAIP, 2 September 2023**  
**7.00 petang**